
 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 1/4
	GARIS PANDUAN BAYARAN INSENTIF KHAS/ BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL	No. Semakan: 02
		No. Isu: 02 Tarikh: 27/10/2022

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan menjelaskan pelaksanaan pemberian dan prosedur Bayaran Insentif Khas dan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal kepada staf UMK yang layak.

2.0 SENARAI PERKHIDMATAN KRITIKAL

- 2.1 Skim perkhidmatan kritikal yang telah diputuskan oleh kerajaan melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 adalah seperti berikut:
- i) Arkitek;
 - ii) Jururawat;
 - iii) Jurutera;
 - iv) Juruukur Bahan;
 - v) Pegawai Farmasi;
 - vi) Pegawai Penyelidik;
 - vii) Pegawai Pergigian;
 - viii) Pegawai Perubatan;
 - ix) Pegawai Undang-undang;
 - x) Pembantu Perubatan;
 - xi) Penjaga Jentera Elektrik;
 - xii) Pensyarah Universiti (kejuruteraan, perundangan, kejururawatan, ukur bahan, seni bina dan farmasi).

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 1/4
	GARIS PANDUAN BAYARAN INSENTIF KHAS/ BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL	No. Semakan: 02
		No. Isu: 02 Tarikh: 27/10/2022

3.0 SYARAT-SYARAT


3.1 Bayaran Insentif Khas (BIK)

Bayaran Insentif Khas (BIK) dibayar kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Jurutera, Arkitek, Juruukur Bahan dan Akauntan bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Sektor Awam termasuk Pensyarah dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Institut Pengajian Tinggi yang mempunyai kelulusan serta menjalankan tugas dalam bidang pengkhususan berkenaan secara tetap.

3.2 Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)

Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) layak diberi kepada pegawai yang memenuhi kesemua syarat berikut:

- (a) mempunyai kelayakan/ kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal
- (b) dilantik sebagai pegawai tetap/ sementara/ kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;
- (c) berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan dan
- (d) menggunakan kelayakan/ kelulusan yang dimilikinya untuk menjalankan skop fungsi bidang tugas skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal. Contohnya, bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik, skop fungsi bidang tugasnya ialah menjalankan penyelidikan asas dan gunaan. Jika pegawai menjalankan tugas-tugas lain seperti tugas-tugas pentadbiran, pengurusan personel, perhubungan awam dan perkhidmatan kaunter, mereka tidak layak diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 2/4
	GARIS PANDUAN BAYARAN INSENTIF KHAS/ BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL	No. Semakan: 02
		No. Isu: 02 Tarikh: 27/10/2022

(e) Bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan dan Pensyarah Pergigian, bidang-bidang yang layak mendapat taraf kritikal ditentukan berasaskan kepada syarat berikut:


- i) kelayakan yang diperolehi pegawai berkenaan pada peringkat sarjana/ doktor falsafah (Ph.D) dan bukannya pada peringkat ijazah pertama.
- ii) Bidang-bidang tersebut perlu berdaftar dengan Lembaga atau Badan Profesional mengikut bidang masing-masing.
- iii) Kursus yang diajar adalah dalam bidang pengkhususan kritikal berdasarkan kelayakan/ kelulusan yang dimiliki.

3.3 Pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal hendaklah diberhentikan kepada pegawai apabila berada dalam keadaan seperti berikut:

(a) bayaran diberhentikan mengikut tempoh cuti bagi pegawai yang mengambil:

- i) cuti tanpa gaji;
- ii) cuti belajar tanpa gaji;
- iii) cuti separuh gaji;
- iv) cuti belajar separuh gaji;
- v) cuti belajar bergaji penuh kerana berkursus melebihi tiga (3) bulan;
- vi) cuti rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- vii) cuti haji yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- viii) cuti sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut;
- ix) cuti bersalin; dan
- x) kombinasi mana-mana jenis cuti di perenggan (vi), (vii), (viii) dan (ix) di atas yang melebihi 28 hari berturut-turut.

(b) bayaran diberhentikan bagi tempoh pemangkuan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memangku jawatan Gred Utama/ Gred Khas.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 3/4
	GARIS PANDUAN BAYARAN INSENTIF KHAS/ BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL	No. Semakan: 02
		No. Isu: 02 Tarikh: 27/10/2022

3.4 Kerajaan dengan mengambil kira bahawa Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian, yang mana berkenaan, di bawah program kepakaran adalah menjalankan skop fungsi bidang tugas dan tanggungjawab sepenuh masa di samping berkursus, membenarkan mereka diberi Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sepanjang tempoh berkursus tersebut seperti berikut:

- (a) Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian yang mana berkenaan di bawah program kepakaran yang di laksanakan di dalam negara mengikut Sistem Terbuka adalah layak di beri Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal mengikut kadar sebenar sebulan; dan
- (b) Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mengikuti kursus Sarjana Perubatan atau Pergigian yang mana berkenaan di bawah program kepakaran yang di laksanakan di dalam negara mengikut Sistem Tertutup pula layak di beri Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal atas kadar separuh daripada kadar sebenar sebulan.


3.5 Jururawat serta Pembantu Perubatan yang mengikuti kursus *Post Basic* yang di kendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, yang mana berkenaan, adalah juga di ambilkira melaksanakan skop fungsi bidang tugas dan tanggungjawab sepenuh masa di samping berkursus, adalah di benarkan di beri Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sepanjang tempoh berkursus tersebut.

4.0 DASAR DAN KAEDAH

4.1 Bayaran Insentif Khas (BIK)

Kadar Bayaran Insentif Khas (BIK) secara bulanan kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi Universiti adalah seperti formula berikut:

$$= 50\% \times \text{Imbuan Tetap Jawatan Utama/ Gred Khas}$$

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR KOD: -	Halaman: 4/4
	GARIS PANDUAN BAYARAN INSENTIF KHAS/ BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL	No. Semakan: 02
		Tarikh: 27/10/2022

4.2 Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)

Kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) adalah seperti berikut:

- (a) 5% daripada gaji pokok sebulan untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional kecuali bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian, Pensyarah Universiti (Farmasi) dan Pensyarah UiTM (Farmasi) adalah RM750 sebulan tanpa mengikut gred;
- (b) 10% daripada gaji pokok sebulan untuk Kumpulan Sokongan kecuali bagi Jururawat dalam Kumpulan Sokongan adalah 15% daripada gaji pokok sebulan;
- (c) 10% daripada gaji pokok sebulan secara Khas Untuk Penyanggah kepada Jururawat dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terlibat dalam pelaksanaan opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Jururawat Bersepadu mengikut surat JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45) SK1(9) bertarikh 24 Mei 2005; dan
- (d) 10% daripada gaji pokok sebulan secara Khas Untuk Penyanggah kepada Jururawat yang terlibat dalam pelaksanaan opsyen tukar lantik ke skim perkhidmatan Pengajar (kejururawatan) mengikut surat JPA(S)(BPO)256/21/3-2 Klt.10(45) SK1(8) bertarikh 24 Mei 2005.

5.0 PEMATUHAN GARIS PANDUAN

- 5.1 Semua kakitangan UMK wajib mematuhi Garis Panduan Pemberian Bayaran Insentif Khas/ Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal Universiti Malaysia Kelantan.

6.0 TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Tarikh kuatkuasa garis panduan ini ialah mulai 1 November 2022.

7.0 PERUNTUKAN AM

- 7.1 Garis panduan ini adalah tertakluk kepada peraturan atau polisi Kerajaan/ Kementerian/ Universiti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BORANG PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF PERKHIDMATAN KRITIKAL (BIPK)

(Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007 dan Garis Panduan Pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal oleh Bahagian Sumber Manusia, Universiti Malaysia Kelantan, 2018)

1. MAKLUMAT PEGAWAI

Nama :
 No. Kad Pengenalan : No. Staf :
 Jawatan : Gred :
 Pusat Tanggungjawab :
 Tarikh Mula Bertugas :
 No. Telefon : No. H/P :
 Kelayakan Akademik :-
 i Ijazah Sarjana :
 ii Ijazah Doktor Falsafah :

**Sertakan salinan sijil*

2. MAKLUMAT PENGAJARAN (STAF AKADEMIK SAHAJA)

BIL.	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	KREDIT KURSUS	JUMLAH PELAJAR

**Sila buat lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

3. SENARAI TUGAS (STAF PENTADBIRAN SAHAJA)

1	
2	
3	

**Sila buat lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi*

4. PERAKUAN PEGAWAI

- a. Saya mengesahkan segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.
- b. Saya mengesahkan tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan peraturan yang sedang berkuatkuasa serta memenuhi syarat kelayakan.

- c. Sekiranya didapati bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah tidak benar, saya akan kehilangan kelayakan elaun ini.

Tandatangan Pegawai:

Nama :

Tarikh:

5. PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

- a. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.
- b. Saya mengesahkan bahawa pegawai ini telah menggunakan kelayakan / kelulusannya bagi melaksanakan tugasnya seperti dinyatakan di atas.
- c. Sekiranya terdapat sebarang perubahan tugas / pertukaran jabatan bagi pegawai di atas, saya akan memaklumkan kepada Pejabat Pendaftar untuk tindakan selanjutnya.

Tandatangan Ketua Pusat Tanggungjawab:

Nama & Cop Jawatan

Tarikh:

6. KELULUSAN PENDAFTAR

Diluluskan

Tidak Diluluskan

Ulasan (jika ada)

Tandatangan

Nama & Cop Jawatan

Tarikh: